

02 DEC 1996

SISTEM TERBUKA UNTUK LAHIRKAN LEBIH RAMAI PAKAR ENT

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Sistem latihan terbuka yang dilaksanakan oleh Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) awal tahun ini dijangka melahirkan lebih ramai pakar doktor Telinga, Hidung dan Kerongkong (ENT) atau otorhinolaryngologi dan membantu mengatasi kekurangan pakar di negara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman hari ini berkata sistem terbuka itu yang menawarkan pra-syarat yang lebih longgar bagi doktor untuk mendaftarkan diri menjalani latihan sebagai pakar ENT telah menggalakkan lebih ramai doktor menjalani latihan kepakaran itu.

Pada masa lampau, doktor enggan menjalani latihan menjadi pakar kerana universiti mengenakan syarat kemasukan yang ketat, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Otorhinolaryngologi-Kepala dan Leher Asean Ketujuh di sini.

Kongres lima hari itu, yang dianjurkan oleh Persatuan Otorhinolaryngologi Malaysia dan Fakulti Perubatan UKM, dihadiri kira-kira 300 pakar bedah kepala dan leher dari negara-negara Asean, Hong Kong, Australia dan Amerika Syarikat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah penaung kongres itu.

Siti Zaharah berkata kementerian telah memberi sokongan penuh kepada sistem terbuka itu dengan memasang lebih banyak peralatan bagi latihan ENT di semua hospital negeri dan beberapa hospital daerah.

Dengan peralatan itu, sistem terbuka itu akan memastikan latihan berpusat yang bermaksud para doktor tidak perlu dipindahkan untuk menjalani latihan seperti yang diamalkan pada masa lampau, katanya.

Beliau berkata pada masa ini terdapat 90 pakar ENT di negara ini, termasuk 21 doktor kerajaan dan enam doktor asing.

Malaysia memerlukan 300 doktor ENT untuk mencapai nisbah yang ideal iaitu seorang pakar bagi 150,000 orang.

Ketua Jabatan Otorhinolaryngologi, Fakulti Perubatan UKM, Prof Madya Dr Abdullah Sani Mohamed berkata 11 orang telah mendaftar untuk menjalani latihan sebagai pakar ENT tahun ini berbanding lima orang pada tahun lepas sebelum sistem terbuka itu dilaksanakan.

Beliau berkata lebih ramai doktor akan berpeluang menjalani latihan sebagai pakar ENT apabila Universiti Sains Malaysia (USM) menggunakan sistem yang sama pada tahun depan. -- BERNAMA

NI AKD